

TEKS UCAPAN
YBHG DATO' DR NOOR ZARI BIN HAMAT
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN, PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PAMERAN NEGARA KOTA YANG HILANG,
PAMERAN PESONA MALAYSIA DAN PELANCARAN KALENDER
ACARA 2020 JABATAN MUZIUM MALAYSIA
29 JANUARI 2020 (RABU), 3.00 PETANG
DATARAN MUZIUM NEGARA

Terima kasih saudara pengacara majlis.

(SALUTASI DISEDIAKAN OLEH PENGANJUR)

Para hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Muzium Malaysia terutamanya Ketua Pengarah kerana menjemput saya ke majlis petang ini yang amat bermakna.
2. Ini merupakan majlis pertama yang saya hadir di pihak Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Pada hari ini juga, saya akan merasmikan dua (2) pameran serentak iaitu **Pameran Negara Kota Yang Hilang (*The Lost Kingdoms*)** dan **Pesona Malaysia (*Enchanting Malaysia*)** serta pelancaran ***Calendar of Events*** program-program anjuran JMM.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Saya dimaklumkan bahawa pameran-pameran ini telah dibuka kepada orang ramai pada bulan Disember 2019 hingga April 2020, bersempena tahun Melawat Malaysia 2020. Ini merupakan program pertama JMM untuk menyambut ketibaan VM2020. Kementerian ini termasuk jabatan dan agensi di bawahnya telah bersiap sedia untuk melaksanakan VM2020 bagi memenuhi aspirasi negara serta mengangkat industri pelancongan dan budaya negara ke tahap yang disasarkan dan dibanggakan. Sehubungan itu, MOTAC serta jabatan dan agensinya telah merencanakan lebih 100 program dan aktiviti yang mampu menarik lebih ramai pelancong untuk berkunjung dan sekaligus melawat tempat-tempat yang menarik di negara kita, termasuk – muzium-muzium terutamanya Muzium Negara.
4. Dalam hal ini, JMM sentiasa berperanan menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemulihan dan pengekalan sejarah negara serta berkongsi menyebarkan ilmu melalui aktiviti, pameran, program pendidikan dan pengembangan.
5. Produk muzium dan aktiviti-aktivitinya dalam menarik pelawat / pelancong ke Muzium tergolong dalam kategori pelancongan budaya (*Culture Tourism*). Sepanjang tahun 2019, JMM melalui 22 buah muzium dan pameran-pamerannya telah berjaya mengutip hasil pendapatan sebanyak RM3.708 juta berbanding RM2.601 juta pada tahun 2018, kenaikan sebanyak 42.5% (RM1.107 juta). Hasil pendapatan ini diperolehi daripada jualan tiket masuk, jualan penerbitan buku dan sewaan ruang. Manakala, jumlah khalayak

yang mengunjungi muzium pada tahun 2019 adalah seramai 2.782 juta berbanding 2.353 juta pada tahun 2018, kenaikan khalayak sebanyak 18.2% (429,115 orang).

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Muzium Malaysia kerana berjaya mengadakan **Pameran Negara Kota yang Hilang dan Pameran Pesona Malaysia** di mana kedua-duanya memaparkan sejarah ketamadunan bangsa serta warisan budaya sebuah negara yang terdiri daripada kepelbagaian kaum, agama, budaya dan warisan. Saya difahamkan bahawa Pameran Negara Kota Yang Hilang memaparkan tentang sejarah kewujudan kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara yang dikatakan telah pun bermula sejak abad pertama sebelum masihi lagi terutamanya di sekitar **Delta Mekong, utara Annam dan Semenanjung Tanah Melayu**.
7. Melalui pameran Pesona Malaysia (*Enchanting Malaysia*) pula pengunjung disajikan dengan kepelbagaian budaya dan cara hidup masyarakatnya yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik sekaligus menjadi pakej lengkap untuk dijadikan destinasi pelancongan. Justeru, konsep dan tema pameran yang dipaparkan ini sangat dekat dengan sejarah budaya bangsa dan menarik untuk dikongsi dengan masyarakat luar terutamanya pengunjung luar negara. Saya yakin program sebegini dapat menarik lebih ramai pengunjung melawat muzium dan sekaligus merencanakan lagi sambutan tahun Melawat Malaysia 2020.

8. Selain itu, saya juga berharap dengan **Pelancaran Kalender Program Tahun 2020** Jabatan Muzium Malaysia dapat meningkatkan bilangan pengunjung ke muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia di seluruh Malaysia sekaligus menaikkan lagi jumlah pengunjung pada tahun ini. Saya percaya, Jabatan Muzium Malaysia dapat menghasilkan program yang memberikan impak lebih tinggi sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Saya sekali lagi mengambil kesempatan ini, mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ketua Pengarah dan seluruh warga Jabatan Muzium Malaysia kerana telah menyenaraikan program-program yang menarik serta berimpak tinggi bagi tahun ini. Saya percaya, JMM akan terus mencipta kejayaan dengan program-program besar yang telah disusun dan bakal dilaksanakan pada tahun ini dengan sokongan padu Kementerian.

10. Akhir kata, **dengan lafaz Bismillahirrahman-nirrahim, saya dengan ini merasmikan Pameran Negara Kota Yang Hilang (*The Lost Kingdoms*) dan Pesona Malaysia (*Enchanting Malaysia*) serta pelancaran *Calendar of Events* tahun 2020 bagi program anjuran Jabatan Muzium Malaysia.**

Sekian, terima kasih.